

PENENTUAN TAMBAHAN

PEMASANGAN METER PAIP PBA BLOK A SERTA LAIN-LAIN KERJA DI GERAJ DESA WAWASAN, BUKIT MERTAJAM

Penentuan

Penentuan Tambahan ini hendaklah disemak bersama-sama dengan **Penentuan Am**.

Perkara-perkara yang tidak diambil kira

Perkara-perkara yang terdapat di dalam Penentuan Am yang tidak ada kaitan dengan skop kerja sebut harga yang tidak di ambil kira.

Lawatan ke tapak

Kontraktor adalah dinasihatkan melawat tapak sendiri untuk mengenal pasti bidang kerja yang terlibat kerana sebarang tuntutan tidak akan dilayan akibat daripada kegagalan kontraktor mengenalpasti bidang kerja sebelum memasuki tawaran.

Sebarang halangan di tapak yang mengganggu perjalanan projek hendaklah dikenalpasti dan diselesaikan oleh pihak kontraktor. Semua kos yang terlibat dalam kerja ini adalah ditanggung oleh kontraktor.

Kontraktor hendaklah mengatur untuk membawa bahan-bahan, loji-loji dan sebarang alat jentera yang difikirkan perlu untuk menjalankan kerja tersebut.

Bidang kerja

Bidang kerja yang terlibat adalah seperti berikut merujuk kepada ringkasan tawaran dan senarai-senarai pelan yang dilampirkan. Kontraktor dinasihatkan agar berhati-hati dalam mengenalpasti bidang kerja semasa merujuk pelan-pelan berkaitan yang dikembarkan (jika perlu).

1. Pemasangan meter paip pba

a) Sebelum sebarang kerja dijalankan ditapak, kontraktor dikehendaki melawat tapak kerja seperti diarahkan oleh pegawai PDTSPT yang mengawasi kerja bagi menentukan kuantiti dan peralatan yang hendak digunakan. Pemborong diingatkan bahawa semua kerja berkaitan dengan pihak utiliti seperti TNB dan sebagainya adalah dibawah bidang kuasa pihak pemborong. Pemborong diingatkan agar bekerjasama dengan pihak utiliti terbabit bagi mengelakkan sebarang masalah yang mengganggu perjalanan kerja ini.

b) Pemasangan meter paip pba hendaklah dilaksanakan dengan cara dan syarat-syarat :-

- Mempunyai **permit A2 dan C4**
- Memenuhi syarat-syarat yang **diluluskan oleh PBA dan SPAN**
- Mendapatkan kelulusan bagi setiap pemasangan paip oleh PBA
- Membuat semakkan terperinci bahan pemasangan paip sebelum dilakukan ditapak bersama PBA dan pihak terlibat
- Menampal semula permukaan yang dikorek atau lain-lain tempat yang terlibat dengan kerja pengorekkan.

c) Semua kerosakkan yang diluar bidang kerja berpunca dari kesilapan kontraktor hendaklah dibaiki dan kosnya ditanggung oleh kontraktor terlibat. Setelah siap kerja, semua sampah sarap hendaklah dikeluarkan dari tapak bina dan disahkan oleh Pegawai Penguasa.

2. Sukatan Kerja

Kontraktor diingatkan bahawa semua ukuran panjang dan kuantiti kerja adalah mengikut kerja yang dijalankan, di mana pengukuran semula akan dilaksanakan dan pembayaran akan dibuat mengikut sukatan akhir setelah kerja siap dijalankan.

3. Tempoh Perlaksanaan Kerja

a) Kerja-kerja akan dilaksanakan berdasarkan arahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa PDTSPT dari semasa ke semasa mengikut keperluan. PDTSPT tidak tertakluk untuk menghabiskan keseluruhan kuantiti yang disebutkan di dalam sebutharga. Setiap arahan kerja yang dikeluarkan hendaklah disempurnakan dalam tempoh 48jam.

b) Tempoh perlaksanaan kerja ini adalah dari 12 minggu.

4. Bayaran

Bayaran akan dibuat setelah tempoh akhir kerja akan tamat atau kuantiti yang dilaksanakan mencukupi mengikut Bilangan kuantiti.